

**Terma dan Syarat
Kempen AmSave
Tempoh Kempen: 1 Mei 2026 – 31 Oktober 2026**

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini yang boleh didapati di www.ambank.com.my/TnC (“Terma dan Syarat”). Jika Pelanggan yang Layak tidak faham sebarang Terma dan Syarat di sini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan pekerja, wakil sah atau agen Bank.

1. Definisi

- 1.1. Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya, melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya.

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat berkaitan dan Syarikat Bersekutu bagi Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan.

“**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama yang ditetapkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan.

“**Bank**” merujuk kepada mBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kempen**” merujuk kepada “Kempen AmSave” yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

“**CASA/CASA-i**” merujuk kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank. Produk yang ditawarkan di bawah kempen ini termasuk:

- (a) Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas -i;
- (b) Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i;
- (c) Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE;
- (d) Akaun Transaksi Semasa TRUE;
- (e) Akaun Transaksi-i TRUE;
- (f) Akaun Simpanan Harian;
- (g) Akaun Simpanan Khas Family First/Akaun Simpanan Khas Family First-i
- (h) Akaun Harian Family First/Akaun Harian Family First-i;
- (i) Akaun AmPartner; dan
- (j) Akaun Simpanan-i AmWafeeq.

“**Hari**” merujuk kepada Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit Bank/Kumpulan AmBank yang sedia ada;
- (b) Dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam CASA/CASA-i pelanggan.
- (c) Deposit dibuat melalui tunai atau cek ke dalam CASA/CASA-i pelanggan yang langgak.

Nota: Cek yang dikeluarkan oleh Bank lain adalah tertakluk kepada penjelasan mereka dan hanya akan dianggap sebagai deposit oleh Pelanggan yang Layak setelah cek tersebut dijelaskan dan hanya dianggap jelas jika tidak dipulangkan atau tidak laku.

“**BPB Tambahan**” merujuk kepada BPB untuk bulan smeasa tolak BPB untuk bulan sebelumnya.

“**Baki Purata Bulanan (BPB)**” merujuk kepada jumlah semua baki penutup harian bulan dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

**Terma dan Syarat
Kempen AmSave
Tempoh Kempen: 1 Mei 2026 – 31 Oktober 2026**

“**Notis Awal**” bermaksud notis yang dikeluarkan oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu yang diberi sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar di laman web Bank di www.ambank.com.my.

“**Syarikat Yang Berkaitan**” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

Perkataan yang menunjukkan seseorang hendaklah termasuk seseorang yang masih hidup dan, yang mana berkenaan, badan atau seseorang yang ditubuhkan atau tidak ditubuhkan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan neuter.

2. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada 1 Mei 2026 dan berakhir pada 31 Oktober 2026, merangkumi kedua-dua Tarikh (“Tempoh Kempen”). Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen dengan memberi Notis Awal.

3. Kelayakan

- 3.1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu yang memiliki CASA/CASA-i yang aktif (di sini disebut sebagai “**Pelanggan yang Layak**”) dengan Bank semasa Tempoh Kempen.
- 3.2. Sekiranya akaun bersama, Pelanggan yang Layak ialah pemegang akaun utama bagi akaun tersebut yang dikekalkan dalam sistem Bank.
- 3.3. Kategori individu yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - (a) Pelanggan bukan individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Pemilikan tunggal/perkongsian; dan/atau
 - Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan/atau
 - Organisasi bukan untung/badan amal/pertubuhan
 - (b) Pekerja Kumpulan AmBank tidak layak menyertai Kempen ini;
 - (c) Akaun Pelanggan dengan Bank yang diberikan kadar istimewa, tambahan, atau keutamaan;
 - (d) Akaun Pelanggan dengan Bank yang tidak aktif atau yang telah melanggar perjanjian lain dengan Bank;
 - (e) Akaun Pelanggan yang dianggap tidak memuaskan, tidak sah, atau dibatalkan.
- 3.4. Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

4. Mekanisme Kempen

- 4.1. Kempen ini akan dijalankan mengikut tempoh berikut dan tarikh yang sepadan:

Jadual 1: Bulan kempen

Bulan kempen	Tarikh
1	1 Mei 2026 – 31 Mei 2026
2	1 Jun 2026 – 30 Jun 2026
3	1 Julai 2026 – 31 Julai 2026
4	1 Ogos 2026 – 31 Ogos 2026
5	1 September 2026 – 30 September 2026
6	1 Oktober 2026 – 31 Oktober 2026

- 4.2. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dikehendaki melakukan pemindahan masuk sebarang jumlah dari institusi kewangan lain dengan rujukan transaksi/penerima “**AmSave**” ke dalam CASA/CASA-i yang diuruskan dengan Bank semasa Tempoh Kempen.

**Terma dan Syarat
Kempen AmSave
Tempoh Kempen: 1 Mei 2026 – 31 Oktober 2026**

Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penyimpangan/pengubahsuaian/ubah suai rujukan transaksi/penerima akan dianggap sebagai entri tidak sah untuk menyertai Kempen ini.

Ganjaran AmSave

- 4.3. Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi kriteria kempen yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah untuk layak menerima Ganjaran AmSave.

Jadual 2: Ganjaran AmSave

Kriteria kempen	Ganjaran AmSave	Had Bayaran Kempen
Pelanggan perlu melakukan pemindahan masuk dari institusi kewangan lain dengan rujukan transaksi " AmSave " ke dalam CASA/CASA-i (" Transaksi AmSave ")	8.88% setahun	RM6,000 (Bulanan dihadkan pada RM1,000)

- 4.4. Ganjaran AmSave akan dikira berdasarkan amaun Transaksi AmSave pertama (1st), dengan had maksimum RM1,000 daripada amaun Transaksi AmSave untuk setiap Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.5. Pengiraan Ganjaran AmSave adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Amaun Transaksi AmSave} \times \text{Ganjaran AmSave} \times \text{Bilangan hari dalam bulan kempen}}{365^* \text{ hari}}$$

Nota: *366 hari untuk tahun lompat

- 4.6. Sekiranya terdapat beberapa Transaksi AmSave yang dilakukan oleh Pelanggan yang Layak, Transaksi AmSave yang berjaya terawal berdasarkan cap masa transaksi sistem Bank akan dianggap sesuai dan akan dipertimbangkan untuk Ganjaran AmSave.
- 4.7. Pelanggan yang Layak akan diberikan ganjaran berdasarkan siapa cepat dia dapat mengikut tarikh dan masa Transaksi AmSave. Sekiranya Ganjaran AmSave telah habis ditebus, Bank tidak diwajibkan untuk memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak.
- 4.8. Tiada gabungan atau pengumpulan amaun transaksi daripada berbilang Transaksi AmSave akan dibenarkan.
- 4.9. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk satu (1) Ganjaran AmSave sepanjang Tempoh Kempen walaupun Pelanggan yang Layak telah memenuhi kriteria kempen beberapa kali.

Bonus Tambahan AmSave

- 4.10. Pelanggan yang Layak dikehendaki mengekalkan BPB tambahan yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah untuk layak menerima Bonus Tambahan AmSave.

Jadual 3: Bonus Tambahan AmSave

BPB Tambahan	Bonus Tambahan AmSave	Had Bayaran Kempen
Tahap 1: RM2,000 hingga kurang daripada RM10,000	1.00% setahun	RM90,000 (Bulanan dihadkan pada RM15,000)
Tahap 2: RM10,000 dan ke atas	2.00% setahun	

- 4.11. BPB Tambahan akan dikira berdasarkan BPB pelanggan untuk bulan tersebut yang dibandingkan dengan BPB bulan sebelumnya.

Sekiranya CASA/CASA-i yang baru dibuka semasa Tempoh Kempen, BPB bagi bulan sebelumnya akan menjadi sifar (0).

**Terma dan Syarat
Kempen AmSave
Tempoh Kempen: 1 Mei 2026 – 31 Oktober 2026**

4.12. Pengiraan Bonus Tambahan AmSave adalah seperti berikut:

$$\frac{BPB \text{ Tambahan} \times \text{Bonus Tambahan AmSave} \times \text{Bilangan hari dalam bulan kempen}}{365^* \text{ hari}}$$

Nota: *366 hari untuk tahun lompat

- 4.13. Bonus Tambahan AmSave akan dibayar berdasarkan BPB Tambahan, dan secara keseluruhan akan tertakluk kepada pembayaran maksimum sebanyak RM38 bagi setiap bulan kempen untuk setiap Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.14. Pelanggan yang Layak akan diberikan ganjaran berdasarkan siapa cepat dia dapat mengikut BPB Tambahan. Sekiranya Bonus Tambahan AmSave telah ditebus sepenuhnya, Bank tidak diwajibkan untuk memberitahu Pelanggan yang Layak.
- 4.15. Setiap Pelanggan yang Layak akan berhak menerima Bonus Tambahan AmSave walaupun Pelanggan yang Layak telah memenuhi kriteria kempen dalam bulan kempen sebelumnya.

Contoh:

Bulan kempen	Tarikh	BPB	BPB Tambahan	Kelayakan untuk Bonus Tambahan AmSave
	1 April 2026 – 30 April 2026	RM1,000		
1	1 Mei 2026 – 31 Mei 2026	RM5,000	RM4,000	Ya
2	1 Jun 2026 – 30 Jun 2026	RM2,500	(RM2,500)	Tidak
3	1 Julai 2026 – 31 Julai 2026	RM8,000	RM5,500	Ya
4	1 Ogos 2026 – 31 Ogos 2026	RM9,000	RM1,000	Tidak
5	1 September 2026 – 30 September 2026	RM5,000	(RM4,000)	Tidak
6	1 Oktober 2026 – 31 Oktober 2026	RM25,000	RM20,000	Ya

- 4.16. Sekiranya Pelanggan yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) CASA/CASA-i, jumlah baki semua CASA/CASA-i pemegang akaun utama akan dikira untuk tujuan kempen ini.

Contoh 1:

Huraian	Akan dikira?	BPB (RM)
Akaun nama tunggal 1	Ya	500
Akaun gabungan utama bersama pelanggan A	Ya	1,500
Akaun gabungan kedua bersama pelanggan B	Tidak	2,000
Akaun gabungan utama bersama pelanggan C	Ya	900
Jumlah		2,900

Contoh 2:

Huraian	Akan dikira?	BPB (RM)
Akaun nama tunggal 1	Ya	500
Akaun-gabungan utama bersama pelanggan X	Ya	1,000
Akaun-gabungan utama bersama pelanggan Y	Ya	1,500
Akaun gabungan utama bersama pelanggan Z	Ya	2,000
Jumlah		5,000

**Terma dan Syarat
Kempen AmSave
Tempoh Kempen: 1 Mei 2026 – 31 Oktober 2026**

5. Pemenuhan kempen

- 5.1. Pemenuhan Ganjaran AmSave dan Bonus Tambahan AmSave akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat setiap bulan kempen.
- 5.2. Ganjaran AmSave dan Bonus Tambahan AmSave tidak boleh ditukar atau dipindah milik untuk tunai, kredit atau dalam bentuk barangan.
- 5.3. Sekiranya CASA/CASA-i ditutup, digantung, dibatalkan, ditamatkan, tidak aktif atau dormant sebelum pengkreditan Ganjaran AmSave dan/atau Bonus Tambahan AmSave, Pelanggan yang Layak tidak berhak menerima ganjaran tersebut di bawah Kempen ini.
- 5.4. Bank berhak untuk menolak penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan yang Layak untuk tujuan Kempen ini sekiranya:
 - (a) Sebarang transaksi yang mencurigakan diterima pada mana-mana peringkat Kempen dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
 - (b) CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak berada dalam keadaan gagal membayar fasiliti yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
 - (c) Pelanggan yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar, bertindak secara penipuan atau tidak bertindak dengan niat baik dalam apa jua cara semasa Tempoh Kempen; atau
 - (d) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

6. Umum

- 6.1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini, untuk membaca bersama dengan:
 - (a) Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan; dan
 - (b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah (hanya untuk Akaun Semasa-i dan Simpanan-i AmBank Islamic sahaja).

Pelanggan yang Layak dikehendaki log masuk ke laman web rasmi Bank melalui <http://www.ambank.com.my/TnC> kerana penyertaan dalam Kempen ini mewakili penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara semua Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai berhubung dengan Kempen ini.

- 6.2. Tawaran Kempen adalah tidak sah dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang ditawarkan oleh Bank dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 6.3. Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Kempen, dengan memberikan Notis Terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, atau penggantungan oleh Bank terhadap Kempen ini tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, atau penggantungan tersebut. Pengecualian ini terpakai kecuali dalam kes di mana kerugian atau kerosakan tersebut secara langsung disebabkan oleh kecuaiian sengaja, penipuan, kecuaiian melampau, salah nyata, atau pelanggaran undang-undang oleh Bank.
- 6.4. Bank mempunyai hak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 6.5. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan ke atasnya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.

**Terma dan Syarat
Kempen AmSave
Tempoh Kempen: 1 Mei 2026 – 31 Oktober 2026**

- 6.6. Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 6.7. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau kerugian/kerosakan secara tidak langsung, ganti rugi kecil, kerosakan terbangkit, ganti rugi teladan, ganti rugi punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen, kecuali jika kehilangan atau kerosakan sedemikian disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkarannya sengaja, atau fraud oleh Bank.
- 6.8. Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak berada dalam kendali Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau kejadian, keadaan, atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 6.9. Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris.
- 6.10. Semua pertikaian berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan intepretasi Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan Terma dan Syarat di dalam ini.
- 6.11. Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank untuk maklumat terkini Kempen di www.ambank.com.my/AmSave untuk Terma dan Syarat yang terkini, jika ada.
- 6.12. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad di talian 03-2178 8888 atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.